

Kontraktor pernah gagal, proksi ditolak

Hanya pembida berwibawa diberi tender: Hishammuddin

RMK-9

Oleh Hassan Omar

KUALA LUMPUR: Kementerian Pelajaran memberi jaminan tawaran tender pembinaan 504 sekolah rendah, menengah dan agama dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) akan dibuat secara telus bagi memastikan hanya kontraktor layak, mendapat projek.

Menterinya, Datuk Seri Hishammuddin Hussein menegaskan, pasukan petugas kementerian akan menyiasat terperinci kontraktor yang membida sama ada benar-benar mampu melaksanakannya atau berselindung menggunakan nama syarikat lain.

Katanya, kementerian tidak akan

memberi peluang kepada kontraktor yang gagal menyiapkan sekolah dan makmal komputer mengikut Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) untuk merebut peluang kerana dianggap sebagai 'pengkhianat negara.'

"Dalam RMK-8 ada sekolah dan makmal komputer yang baru disiapkan tetapi bumbung bocor, bekalan elektrik tiada, dinding runtuh dan banyak lagi masalah lain yang tidak sepatutnya.

"Kali ini, saya mengarahkan pasukan petugas turun padang lihat betulkah kontraktor ada pejabat, jentera dan sebagainya. Kementerian tidak mahu anak-anak kita tidak dapat menimba ilmu semata-mata kerana kegagalan kontraktor," katanya.

Beliau yang juga Ketua Pemuda Umno berkata demikian pada sidang media selepas menyerahkan RM50,000 sumbangan Pemuda Umno kepada Radio 'All For Peace' Pales-

tin, di Menara Datuk Onn, di sini semalam.

Kelmarin, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan tender bagi 880 projek pembangunan baru mengikut RMK-9 bernilai RM15 bilion akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat.

Kementerian Pelajaran mencatatkan bilangan projek terbanyak, iaitu

FAKTA NOMBOR

Tender 880 projek baru RMK-9

497

Projek Kementerian Pelajaran

504

Sekolah baru dibina

497. Antara projek dalam senarai awal pelaksanaan RMK-9 ialah pembinaan 504 sekolah rendah, menengah serta agama.

Hishammuddin berkata, pasukan petugas itu juga diarah bekerjasama dengan Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan kerajaan negeri bagi memastikan projek berkenaan bukan setakat diberikan kepada kontraktor yang layak, malah memastikan ia siap mengikut jadual.

"Semua sekolah itu dibina melalui konsep reka dan bina. Kita tidak menggunakan perunding kejuruteraan. Konsepnya ialah sekolah yang tidaklah begitu mewah tetapi sesuai dan elok.

"Dalam tempoh lima tahun ini, saya akan kerap melakukan pecah tanah pembinaan sekolah tetapi saya tidak mahu melihat sekolah yang sudah siap tetapi tiada orang pula," katanya.